

# Sukuk Runcit

## RISALAH PANDUAN & MAKLUMAT

**DanaInfra**  
NASIONAL BERHAD

PARA PELABUR ADALAH DINASIHATKAN UNTUK MEMBACA DAN MEMAHAMI ISI KANDUNGAN RISALAH PANDUAN & MAKLUMAT. SEKIRANYA TERDAPAT SEBARANG KERAGUAN, SILA DAPATKAN NASIHAT DARIPADA PENASIHAT PELABURAN ATAU PENASIHAT KEWANGAN ANDA.

21 JULAI 2014

---

## Notis Penting

---

Dokumen ini disediakan untuk memberi maklumat kepada para pelabur mengenai sukuk runcit yang akan diterbitkan oleh DanaInfra Nasional Berhad (“Sukuk Runcit DanaInfra”).

Maklumat di dalam dokumen ini tidak membentuk sebarang tawaran, cadangan atau jemputan langganan untuk membeli atau menjual Sukuk Runcit DanaInfra yang dinyatakan dalam dokumen ini. Dokumen ini tidak mengandungi maklumat lengkap atau sebarang bentuk nasihat mengenai Sukuk Runcit DanaInfra, dan tidak boleh dianggap sebagai gantian bagi nasihat pelaburan profesional. Oleh yang demikian, anda disyorkan agar mendapatkan nasihat daripada penasihat profesional berhubung dengan pelaburan dan risiko-risiko yang berkaitan dengan pelaburan dalam Sukuk Runcit DanaInfra.

Sila ambil perhatian bahawa maklumat yang terkandung di dalam dokumen ini dianggap lengkap setakat pengetahuan terbaik kami pada tarikh penerbitan yang dinyatakan di muka depan Risalah & Panduan Maklumat ini.

Sukuk Runcit DanaInfra adalah produk pelaburan yang ditawarkan kepada orang awam di Malaysia. Orang awam tidak harus bergantung kepada maklumat yang terkandung dalam dokumen ini dan dinasihatkan untuk melakukan penyelidikan dan penilaian sewajarnya sebelum membuat sebarang keputusan pelaburan. Pernyataan fakta dalam dokumen ini adalah dibuat pada tarikh yang dinyatakan dan adalah tertakluk kepada perubahan tanpa notis.

Harga Sukuk Runcit DanaInfra mungkin naik atau turun. Terdapat yuran dan caj yang dikenakan dan para pelabur adalah dinasihatkan untuk mempertimbangkan kos yuran dan caj ini sebelum melabur di dalam Sukuk Runcit DanaInfra.

**PARA PELABUR HARUS BERGANTUNG PADA PENILAIAN MEREKA SENDIRI UNTUK MENILAI MERIT DAN RISIKO PELABURAN. DALAM MEMPERTIMBANGKAN PELABURAN, PELABUR YANG RAGU-RAGU BERHUBUNG DENGAN TINDAKAN YANG PERLU DIAMBIL HARUS MENDAPATKAN NASIHAT DARIPADA PENASIHAT PROFESIONAL MEREKA DENGAN SERTA MERTA.**

Risalah Panduan & Maklumat ini adalah terjemahan dari versi Bahasa Inggeris. Jika terdapat sebarang perbezaan kandungan, Risalah Panduan & Maklumat versi Bahasa Inggeris dianggap muktamad.

---

## Penyataan Tujuan

---

Para Pelabur yang Dihormati,

DanaInfra Nasional Berhad telah diberi penghormatan sebagai Penerbit Sukuk ulung untuk menerbitkan Sukuk Runcit pertama yang telah disenaraikan dan didagangkan di Bursa Malaysia Berhad (“Bursa Malaysia”) pada 8 Februari 2013 dan 28 November 2013. Produk ini dikenali sebagai Sukuk Runcit DanaInfra. Penyenaraian Sukuk Runcit DanaInfra seterusnya disasarkan pada 27 Ogos 2014.

Sehubungan itu, kami telah menerbitkan Risalah Panduan & Maklumat Sukuk Runcit DanaInfra sebagai sebahagian daripada kempen kesedaran dan pendidikan untuk orang awam mengenai pelaburan dalam instrumen ini.

Risalah Panduan & Maklumat ini mengandungi maklumat berkenaan DanaInfra Nasional Berhad serta pelaburan dalam Sukuk Runcit DanaInfra. Antara topik yang terdapat di dalam dokumen ini adalah ciri-ciri utama Sukuk Runcit DanaInfra, memahami hak-hak dan tanggungjawab para pemegang Sukuk Runcit DanaInfra dan pihak yang terlibat, maklumat asas mengenai faktor-faktor risiko utama yang berkaitan dengan pelaburan di dalam Sukuk Runcit DanaInfra, serta maklumat lain yang berkenaan.

Kami berharap Risalah Panduan & Maklumat ini dapat memberikan sedikit-sebanyak maklumat dan penjelasan mengenai produk pelaburan terbaru ini, agar para pelabur dapat membuat penilaian dan keputusan pelaburan dengan bijaksana.

DanaInfra Nasional Berhad

# Glosari



Muka surat ini sengaja dikosongkan

<b>Singkatan</b>	<b>Penerangan</b>
<b>Laluan SBK</b>	Laluan Sungai Buloh – Kajang
<b>ATM</b>	Mesin Teler Automatik
<b>Bursa Malaysia</b>	Bursa Malaysia Berhad
<b>CDS</b>	Sistem Depositori Pusat
<b>ETBS</b>	Bon / Sukuk Didagang Di Bursa Malaysia
<b>Ejen Kemudahan</b>	CIMB Investment Bank Berhad
<b>ERL</b>	Rangkaian Rel Ekspres
<b>ERT</b>	Pasukan Respons Kecemasan
<b>Kerajaan Malaysia</b>	Kerajaan Malaysia (Penjamin Sukuk Danalnfra)
<b>GKLV</b>	Greater KL / Lembah Klang
<b>Rumah Terbitan</b>	Malaysian Issuing House Sdn Bhd atau MIH
<b>Pengatur Utama Bersama</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ AmInvestment Bank Berhad</li> <li>▪ CIMB Investment Bank Berhad</li> <li>▪ Maybank Investment Bank Berhad</li> <li>▪ RHB Investment Bank Berhad</li> </ul>
<b>KTM</b>	Keretapi Tanah Melayu
<b>LPTMP</b>	Pelan Induk Pengangkutan Awam Darat
<b>LRT</b>	Transit Rel Ringan
<b>MRT</b>	Transit Aliran Massa
<b>Institusi Kewangan Terpilih yang Mengambil Bahagian</b>	<p>Rujuk kepada bank-bank berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kumpulan AmBank</li> <li>▪ Kumpulan CIMB</li> <li>▪ Malayan Banking Berhad</li> <li>▪ RHB Capital Berhad</li> </ul>
<b>OKU</b>	Orang Kurang Upaya
<b>OTC</b>	Dagangan melalui kaunter
<b>Risalah Panduan &amp; Maklumat</b>	Risalah Panduan & Maklumat Sukuk Runcit Danalnfra Nasional Berhad
<b>Penerbit</b>	Danalnfra Nasional Berhad
<b>Penasihat Utama</b>	CIMB Investment Bank Berhad
<b>PIDM</b>	Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
<b>PNK</b>	Pendapatan Negara Kasar
<b>SPAD</b>	Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat
<b>URDP</b>	Pelan Pembangunan Rel Bandar

<b>Terma-terma</b>	<b>Penerangan</b>
<b>Jumlah Bayaran Kupon / Keuntungan</b>	Jumlah bayaran kupon / keuntungan yang perlu dibayar pada tarikh bayaran
<b>Kekerapan Bayaran Kupon / Keuntungan</b>	Kekerapan bayaran kupon / keuntungan yang dibuat oleh Penerbit kepada para pemegang ETBS
<b>Sukuk Danalnfra</b>	Program Nota Jangka Sederhana Islam sehingga RM21 bilion yang diterbitkan oleh Danalnfra Nasional Berhad  Had program telah dinaikkan dari RM8 bilion hingga sehingga RM21 bilion pada bulan April 2014
<b>Sukuk Runcit Danalnfra</b>	ETBS dengan jumlah nominal sehingga RM100 juta yang ditawarkan kepada para pelabur runcit, dan disenaraikan dan didagangkan di Bursa Malaysia sebagai sebahagian daripada Sukuk Danalnfra
<b>Para pemegang ETBS</b>	Para pelabur yang melanggan ETBS
<b>Nilai Muka</b>	Jumlah Pokok pada tarikh terbitan ETBS
<b>Ejen Kemudahan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pihak yang mewakili para pemegang Sukuk Runcit Danalnfra dari segi hak-hak dan tanggungjawab Penerbit</li> <li>▪ Melaksanakan fungsi agensi berhubung dengan Sukuk Runcit Danalnfra</li> </ul>
<b>Penjamin</b>	Pihak ketiga yang menjamin obligasi bayaran Penerbit
<b>Tarikh Terbitan</b>	Tarikh penerbitan ETBS
<b>Penerbit</b>	Syarikat atau entiti yang menerbitkan bon / sukuk kepada para pelabur untuk meraih dana bagi memenuhi objektif pembiayaannya yang mungkin termasuk keperluan kewangan operasi, pengembangan perniagaan atau lain-lain tujuan pembiayaan khusus
<b>Tarikh Matang</b>	Tarikh matang bila mana Penerbit perlu membayar Nilai Muka kepada para pemegang ETBS
<b>Tawaran</b>	Tawaran oleh Danalnfra Nasional Berhad untuk menerbitkan Sukuk Runcit Danalnfra berjumlah sehingga RM100 juta
<b>Kadar Keuntungan</b>	Jumlah kupon / keuntungan tahunan perlu dibayar yang dinyatakan sebagai peratusan Nilai Muka
<b>Kadar Hasil Hingga Matang / Kadar Hasil</b>	Kadar pulangan tahunan pelaburan ETBS sekiranya dipegang sehingga Tarikh Matang

---

## Jadual Kandungan

---

<b>Tarikh-tarikh Penting</b>		8
<b>Seksyen 1</b>	Profil Korporat DanaInfra Nasional Berhad	9
<b>Seksyen 2</b>	Sukuk Runcit DanaInfra	13
<b>Seksyen 3</b>	Cara Memohon	19
<b>Lampiran</b>	Kajian Kes	25
<b>Soalan-soalan Lazim</b>		31



---

## Tarikh-tarikh Penting

---

Tarikh-tarikh Penting Tawaran	
Tarikh pembukaan Tawaran Sukuk Runcit Danalnfra ("Tarikh Pembukaan")	21 Julai 2014
Tarikh penutupan Tawaran Sukuk Runcit Danalnfra ("Tarikh Penutupan")	15 Ogos 2014
Pengundian Tawaran Sukuk Runcit Danalnfra	19 Ogos 2014
Penyenaraian dan permulaan dagangan	27 Ogos 2014

---

### Nota

Tarikh-tarikh penting bagi Tawaran adalah indikatif sahaja dan tertakluk kepada perubahan tanpa notis. Penerbit boleh mengubah tarikh, termasuk mempercepatkan Tarikh Penutupan atau melanjutkan Tarikh Penutupan atau menarik balik Tawaran pada bila-bila masa yang difikirkan perlu. Sebarang pertukaran tarikh mungkin akan melibatkan perubahan pada tarikh-tarikh peristiwa susulan yang berikutnya.

# Seksyen 1

## Profil Korporat DanaInfra Nasional Berhad



Muka surat ini sengaja dikosongkan

---

## 1.1 Panduan Korporat

---

### **Pejabat Berdaftar Penerbit**

DanaInfra Nasional Berhad  
Tingkat 7, Bangunan Setia 1  
15 Lorong Dungun  
Bukit Damansara  
50490 Kuala Lumpur

### **Talian Maklumat Sukuk Runcit DanaInfra**

Nombor Telefon +603 – 2096 8877  
Isnin hingga Jumaat Jam 8.45pg – 5.00ptg  
[www.danainfra.com.my](http://www.danainfra.com.my)

### **Juruaudit**

PricewaterhouseCoopers Malaysia

### **Penasihat Undang-undang bagi Penerbit**

Tetuan Adnan Sundra & Low

### **Rumah Terbitan**

Malaysian Issuing House Sdn Bhd

### **Lembaga Pengarah**

Dato' Mat Noor Nawawi  
*Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
(Dasar), Kementerian Kewangan*

Dato' Dr. Mohamad Isa Hussain  
*Timbalan Setiausaha Bahagian Syarikat  
Pelaburan Kerajaan, Kementerian Kewangan*

Datuk Dr. Ismail Haji Bakar  
*Pengarah Belanjawan Negara  
Kementerian Kewangan*

Datuk Ahmad Badri Mohd Zahir  
*Setiausaha Bahagian Pelaburan Strategik  
Kementerian Kewangan*

Norzila Abdul Aziz  
*Penolong Gabenor, Bank Negara Malaysia*

Aznul Shazri Abdullah  
*Pengarah Urusan, 3p Capital Partners Sdn Bhd*

### **Setiausaha Syarikat**

Shamsiah A Rahman  
(MAICSA 7008380)

Saiful Nizam Yasin  
(LS 008955)

---

## 1.2 Profil

---

Danainfra Nasional Berhad (“Danainfra”) adalah sebuah syarikat tujuan khas (“SPV”) yang ditubuhkan pada 3 Mac 2011 dengan tujuan utamanya membiayai projek infrastruktur yang dikenalpasti oleh Kerajaan Malaysia. Danainfra mempunyai modal yang dibenarkan sebanyak RM100 juta terdiri daripada 100 juta saham biasa bernilai RM1.00 sesaham di mana 10 juta saham biasa bernilai RM1.00 sesaham telah diterbitkan dan berbayar penuh. Daripada kesemua modal Danainfra yang diterbitkan dan berbayar, satu (1) saham biasa dimiliki oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan manakala selebihnya dimiliki oleh Menteri Kewangan, Diperbadankan.

---

## 1.3 Maklumat Kewangan

---

Maklumat mengenai kedudukan kewangan teraudit Danainfra bagi tempoh kewangan berakhir 30 Jun 2013 boleh didapati di [www.danainfra.com.my](http://www.danainfra.com.my)

---

## 1.4 Projek MRT Lembah Klang (“Projek MRT”)

---

Projek MRT Lembah Klang (“Projek MRT”) adalah cadangan sistem Transit Aliran Massa tiga jajaran di Lembah Klang / Kuala Lumpur. Ianya dikenalpasti sebagai tambahan terbaharu kepada sistem rel bandar di Lembah Klang. Di bawah Pelan Induk Pengangkutan Awam Darat (“LPTMP”), kawasan Greater Kuala Lumpur / Lembah Klang (“GKLKV”) – sistem MRT adalah salah satu sistem transit aliran massa utama yang akan menjadi tulang belakang kepada sistem pengangkutan awam serantau. Jajaran pertama projek ini ialah Laluan Sungai Buloh – Kajang (“Laluan SBK”), sepanjang 51 kilometer dengan 31 stesen. Kerajaan telah memberikan kelulusan bagi meneruskan jajaran kedua MRT dan kini sedang memuktamadkan penjajaran pilihan. Penjajaran dan pelaksanaan jajaran ketiga MRT akan ditentukan mengikut Pelan Induk Pengangkutan Awam Darat Greater KL / Lembah Klang. Ketiga-tiga jajaran MRT baru yang dinyatakan di atas adalah di bawah Pelan Pembangunan Rel Bandar (“URDP”) yang akan memperluaskan liputan sistem berasaskan rel sedia ada oleh Komuter KTM, Transit Rel Ringan (“LRT”), Monorail dan Rangkaian Rel Ekspres (“ERL”).

Pada masa ini, Lembah Klang mempunyai kekurangan liputan pengangkutan awam berasaskan rel berbanding dengan kebanyakan bandar-bandar berorientasikan pengangkutan awam. Ia mempunyai kurang daripada 20 kilometer rel bagi setiap 1 juta penduduk. Bandar-bandar berorientasikan pengangkutan awam seperti Singapura, Hong Kong dan London mempunyai lebih daripada 40 kilometer rel setiap 1 juta penduduk. MRT akan melonjakkan liputan pengangkutan awam berasaskan rel di Lembah Klang dan mengurangkan kesesakan lalu lintas dengan meningkatkan bilangan orang yang menggunakan pengangkutan awam. MRT akan membolehkan rangkaian hubungan yang lebih mudah di antara daerah kediaman yang mempunyai kepesatan penduduk, pusat-pusat perniagaan, pusat-pusat komersil dan kawasan tumpuan pekerjaan di Lembah Klang.

Selain itu, MRT akan meningkatkan kegiatan aktiviti komersil dan perniagaan. Dengan rangkaian hubungan di Lembah Klang yang bertambah baik, MRT akan menarik lebih ramai pelanggan ke daerah perniagaan dan pusat bandar memandangkan ianya akan disepadukan dengan kegiatan komersil. Stesen bawah tanah MRT juga akan menyumbang kepada keselarasan perhubungan dan pengangkutan antara pusat-pusat membeli-belah. Untuk maklumat lanjut mengenai Projek MRT, sila rujuk kepada [www.mymrt.com.my](http://www.mymrt.com.my).

# Seksyen 2

## Sukuk Runcit DanaInfra



Muka surat ini sengaja dikosongkan



---

## 2.1 Maklumat Am

---

Terma-terma dan syarat-syarat utama lengkap Sukuk Runcit DanaInfra boleh didapati di [www.danainfra.com.my](http://www.danainfra.com.my). Terma-terma dan syarat-syarat penting Sukuk Runcit DanaInfra diringkaskan seperti berikut:

	<i>Penerangan</i>
<b>Penerbit</b>	DanaInfra Nasional Berhad
<b>Penjamin</b>	Kerajaan Malaysia
<b>Saiz Tawaran</b>	Jumlah nominal sehingga RM100 juta
<b>Kegunaan Dana</b>	Untuk membiayai perbelanjaan modal dan operasi berhubung dengan pembangunan Projek MRT
<b>Nilai Muka</b>	RM100 setiap unit Sukuk Runcit DanaInfra
<b>Tarikh Matang</b>	Ulang tahun ke tujuh (7) Tarikh Terbitan
<b>Kekerapan Bayaran Kupon / Keuntungan</b>	Dua kali setahun
<b>Tarikh bayaran kupon/ keuntungan pertama</b>	6 bulan dari Tarikh Terbitan
<b>Kadar Kupon / Keuntungan</b>	4.23% setahun
<b>Penyenaraian</b>	Bursa Malaysia di bawah Papan "Pinjaman dan Bon"
<b>Jumlah Minimum</b>	Langganan minimum sebanyak 10 unit atau RM1,000
<b>Jumlah Maksimum</b>	Tiada had
<b>Bagaimana untuk Melanggan</b>	Melalui borang permohonan atau perbankan Internet atau Mesin Teler Automatik ("ATM") Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian



---

## **2.2 Manfaat Utama Sukuk Runcit DanaInfra**

---

Manfaat utama Sukuk Runcit DanaInfra adalah seperti berikut:

- Menyediakan kepada pelabur peluang untuk mempelbagaikan portfolio pelaburan mereka
- Bayaran Keuntungan dijamin oleh Kerajaan Malaysia
- Bayaran jumlah pokok / Nilai Muka pada tempoh matang dijamin oleh Kerajaan Malaysia
- Jumlah Bayaran Keuntungan dua kali setahun secara tetap
- Sukuk Runcit DanaInfra akan disenaraikan dan didagangkan di Bursa Malaysia
- Sukuk Runcit DanaInfra adalah pelaburan mematuhi Syariah yang diluluskan

---

## 2.3 Risiko Utama Sukuk Runcit Danalnfra

---

Risiko utama Sukuk Runcit Danalnfra adalah seperti berikut:

	<i>Penerangan</i>
<b>Risiko kredit</b>	Risiko Kredit merujuk kepada keupayaan Danalnfra untuk membuat bayaran Keuntungan dan Nilai Muka tepat pada masanya. Sukuk Runcit Danalnfra mempunyai risiko kredit yang rendah memandangkan bayaran Keuntungan dan Nilai Muka pada tarikh matang dijamin oleh Kerajaan Malaysia.
<b>Risiko pasaran ke atas bayaran Nilai Muka</b>	Sama seperti pelaburan pendapatan tetap yang lain, risiko pasaran timbul memandangkan nilai Sukuk Runcit Danalnfra adalah tertakluk kepada keadaan pasaran semasa khususnya pergerakan dan perubahan kadar faedah. Pembayaran jumlah pokok / Nilai Muka dijamin oleh Kerajaan Malaysia. Jika pelabur memutuskan untuk menjual Sukuk Runcit Danalnfra yang dipegangnya sebelum tempoh matang, pelabur mungkin memperolehi keuntungan atau mengalami kerugian ke atas pelaburan beliau, bergantung pada harga jualan. Harga Sukuk Runcit Danalnfra bergerak dalam arah bertentangan dengan pergerakan kadar faedah. Apabila kadar faedah meningkat, harga Sukuk Runcit Danalnfra akan merosot dan sebaliknya.
<b>Risiko projek</b>	Projek MRT tertakluk kepada risiko projek yang biasa terdapat pada projek sepertinya. Walau bagaimanapun, tanpa mengambilkira hasil pembangunan projek, para pemegang Sukuk Runcit Danalnfra dijamin bayaran Keuntungan dan Nilai Muka pada tarikh matang memandangkan ianya dijamin oleh Kerajaan Malaysia.
<b>Risiko mudah tunai</b>	Sukuk Runcit Danalnfra akan disenaraikan dan didagangkan di Bursa Malaysia. Sebagai produk pelaburan yang agak baru untuk orang awam, ia mungkin mengambil masa bagi sukuk ini untuk didagangkan secara aktif. Walau bagaimanapun, platform Bursa Malaysia akan memudahkan perdagangan sukuk yang menyumbang ke arah aliran mudah tunai.

Muka surat ini sengaja dikosongkan

# Seksyen 3

## Cara Memohon




Muka surat ini sengaja dikosongkan

### 3.1 Cara Memohon Langganan Sukuk Runcit Danainfra

<b>Semakan bagi maklumat Sukuk Runcit Danainfra</b>		
Semak media dan laman web Danainfra ( <a href="http://www.danainfra.com.my">www.danainfra.com.my</a> ) untuk maklumat mengenai Sukuk Runcit Danainfra		
<b>Baca Risalah Panduan &amp; Maklumat</b>		
Sebelum memohon untuk melanggan Sukuk Runcit Danainfra, sila baca Risalah Panduan & Maklumat dengan teliti		
<p><b>Memohon menggunakan borang permohonan</b></p> <p>Borang-borang permohonan boleh didapati di Rumah Terbitan, cawangan terpilih Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian atau boleh dimuatturun daripada laman web Danainfra.</p> <p>Langkah-langkah utama untuk memohon Sukuk Runcit Danainfra melalui borang permohonan adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Anda hendaklah mempunyai akaun CDS.</li> <li>▪ Lengkapkan borang permohonan dengan maklumat yang diperlukan di bawah: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Butir-butir peribadi / butir-butir syarikat</li> <li>○ Nombor akaun CDS</li> <li>○ Butir-butir bayaran</li> <li>○ Bilangan unit dipohon</li> </ul> </li> <li>▪ Setiap borang yang dilengkapkan hendaklah disertai dengan kiriman wang untuk jumlah Sukuk Runcit Danainfra yang dipohon sepenuhnya sama ada melalui: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Draf jurubank (Banker's Draft) atau perintah juruwang (Cashier's Order) yang dibeli dalam Malaysia sahaja dan dikeluarkan oleh bank di Kuala Lumpur; atau</li> <li>○ Kiriman wang atau wang pos (untuk pemohon-pemohon di Sabah dan Sarawak sahaja); atau</li> <li>○ Penyata ATM Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian</li> </ul> </li> <li>▪ Sertakan salinan fotostat kad pengenalan / salinan sijil perbadanan yang jelas</li> <li>▪ Serahkan dokumen-dokumen di atas melalui pos / kurier / serahan tangan kepada Rumah Terbitan di alamat berikut:</li> </ul>	<p><b>Memohon melalui ATM</b></p> <p>Langkah utama untuk memohon Sukuk Runcit Danainfra melalui ATM adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Anda hendaklah mempunyai akaun CDS, akaun semasa / simpanan dan kad ATM yang dikeluarkan oleh Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian.</li> <li>▪ Ikut semua arahan sebagaimana dikehendaki di skrin ATM untuk memohon bagi Sukuk Runcit Danainfra. Anda hendaklah mempunyai butir-butir berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Nombor akaun CDS</li> <li>○ Bilangan unit dipohon</li> <li>○ Amaun perlu dibayar bagi unit-unit yang dipohon dan untuk ditolak daripada akaun semasa / simpanan anda</li> </ul> </li> <li>▪ Sahkan Pernyataan Mandatori (rujuk bahagian Soalan-soalan Lazim untuk keterangan lanjut)</li> <li>▪ Simpan slip urus niaga ATM untuk rekod anda</li> </ul> <p>(Sebarang rujukan kepada saham / syer pada skrin ATM adalah merujuk kepada unit Sukuk Runcit Danainfra)</p>	<p><b>Memohon melalui Perbankan Internet</b></p> <p>Langkah utama untuk memohon Sukuk Runcit Danainfra melalui Internet adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Anda hendaklah mempunyai akaun CDS dan akaun dengan Perbankan Internet dengan akses kepada Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ <a href="http://www.cimbclicks.com.my">www.cimbclicks.com.my</a></li> <li>○ <a href="http://www.eipo.cimb.com">www.eipo.cimb.com</a></li> <li>○ <a href="http://www.maybank2u.com.my">www.maybank2u.com.my</a></li> <li>○ <a href="http://www.rhb.com.my">www.rhb.com.my</a></li> </ul> </li> <li>▪ Ikut semua arahan sebagaimana dikehendaki dalam portal Perbankan Internet masing-masing untuk memohon Sukuk Runcit Danainfra. Anda hendaklah mempunyai butir-butir berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Nombor akaun CDS</li> <li>○ Bilangan unit dipohon</li> <li>○ Jumlah perlu dibayar bagi unit-unit yang dipohon dan untuk ditolak daripada akaun semasa / simpanan anda</li> </ul> </li> <li>▪ Sahkan Pernyataan Mandatori (rujuk bahagian Soalan-soalan Lazim untuk keterangan lanjut)</li> <li>▪ Cetak Skrin Pengesahan untuk rujukan dan simpanan</li> </ul> <p>(Sebarang rujukan kepada saham / syer di skrin Internet adalah merujuk kepada unit Sukuk Runcit Danainfra)</p>

Malaysian Issuing House Sdn  
Bhd  
Tingkat Bawah, Symphony  
House,  
Pusat Dagangan Dana 1,  
Jalan PJU 1A/46,  
47301 Petaling Jaya



*\* Nota: Sila rujuk kepada laman web DanaInfra di [www.danainfra.com.my](http://www.danainfra.com.my) untuk maklumat lanjut mengenai permohonan Sukuk Runcit DanaInfra.*

## 3.2 Contoh Borang Permohonan

### BORANG PERMOHONAN

BORANG INI DIBERI DENGAN PERCUMA

SETEM BANK  
 YANG MENGAMBIL  
 BAHAGIAN ATAU  
 RUMAH TERBITAN

**BORANG PERMOHONAN INI ADALAH UNTUK KEGUNAAN ORANG AWAM MALAYSIA YANG TERDIRI DARIPADA WARGANEGARA MALAYSIA DAN SYARIKAT, KOPERASI, INSTITUSI, DANA PERSARAAN, YAYASAN, DANA KUMPULAN WANG SIMPANAN ATAU DANA PENCCN YANG DITUBUHKAN ATAU BEROPEKASI DI MALAYSIA**

**SERTAKAN BAYARAN DAN SALINAN KAD PENGENALAN**

Borang permohonan untuk Suku Runcit DanaInfra Nasional Berhad ("Suku Runcit DanaInfra") ini mengandungi maklumat penting tentang pelaburan dalam Suku Runcit DanaInfra dan anda dikehendaki membaca sepenuhnya sebelum memohon Suku Runcit DanaInfra ini. Para pelabur dinasihatkan supaya tidak melengkapkan Borang Permohonan ini tanpa terlebih dahulu membaca, memahami dan mempertimbangkan kandungan Risalah Panduan dan Maklumat dengan teliti.

Satu salinan Risalah Panduan dan Maklumat boleh dimuat turun daripada laman web DanaInfra Nasional Berhad ("DanaInfra", "Syarikat", atau "Penerbit") di www.danainfra.com.my. Untuk sebarang pertanyaan berkenaan Suku Runcit DanaInfra, sila hubungi Talian Maklumat Suku Runcit DanaInfra di 603-2096 8877 (Isnin hingga Jumaat 8.45 pagi – 5.00 petang) sepanjang Tempoh Tawaran ini.

# DanaInfra

## NASIONAL BERHAD

(No. Syarikat: 934765-U)

### SUKU RUNCIT DANAINFRA NASIONAL BERHAD

### BORANG PERMOHONAN

**TAWARAN SUKUK RUNCIT DANAINFRA SEHINGGA RM100 JUTA (RM100 SETIAP UNIT SUKUK RUNCIT DANAINFRA). SUKUK RUNCIT PERLU DIBAYAR PENUH SEMASA PERMOHONAN DAN TERTAKLUK KEPADA PEMULANGAN SEKIRANYA PERMOHONAN TIDAK BERJAYA.**

Kepada: Lembaga Pengarah  
**DanaInfra Nasional Berhad**  
 Tingkat 7, Bangunan Setia 1  
 15 Lorong Dungun, Bukit Damansara  
 50490 Kuala Lumpur

Tuan-tuan,  
 Saya/Kami dengan ini tanpa boleh dibatalkan memohon untuk bilangan Unit Suku Runcit DanaInfra dan menyertakan bayaran untuk jumlah yang tercantat di bawah yang merupakan jumlah wang permohonan yang perlu dibayar untuk Suku Runcit DanaInfra tersebut.

Saya/Kami bersetuju untuk menerima kesemua Unit Suku Runcit DanaInfra yang dipohon atau bilangan yang kurang daripadanya yang diperuntukkan kepada saya/kami berdasarkan dan tertakluk kepada Dokumen berkaitan penerbitan Suku Runcit DanaInfra cth Perjanjian Penempatan dan Peraturan-peraturan oleh Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd (165570-W) ("Bursa Depository").

Saya/Kami juga memberi kuasa kepada Bursa Depository untuk mendedahkan maklumat berhubung dengan nombor akaun Sistem Depositori Pusat ("CDS") saya/kami kepada Malaysian Issuing House Sdn Bhd (Rumah Terbitan) bagi tujuan mengkreditkan Unit Suku Runcit DanaInfra yang diperuntukkan kepada saya/kami ke dalam akaun CDS saya/kami.

Saya/Kami memberi kuasa kepada pihak tuan mengarahkan Bursa Depository untuk mengkreditkan Unit Suku Runcit DanaInfra yang diperuntukkan kepada saya/kami ke dalam akaun CDS saya/kami dan/atau mengarahkan rumah terbitan memulangkan baki wang permohonan saya/kami tanpa faedah sekiranya hanya sebahagian daripada permohonan saya/kami berjaya melalui **POS BERDAFTAR** kepada saya/kami atau memulangkan wang permohonan saya/kami tanpa faedah sekiranya permohonan saya/kami tidak berjaya disebabkan atas apa-apa alasan melalui **POS BIASA** kepada saya/kami dan **ATAS RISIKO SAYA/KAMI SENDIRI**.

Saya/Kami dengan ini tanpa boleh dibatalkan memberi kuasa kepada Penerbit untuk meletakkan nama saya/kami di dalam Rekod Depositori di bawah nama Bursa Malaysia Depository Nominees Sdn Bhd (240297-W) yang diuruskan oleh Bursa Depository yang merupakan sebahagian daripada Daftar Pemegang-Pemegang Suku Syarikat berkaitan dengan Suku Runcit DanaInfra yang diperuntukkan kepada saya/kami seperti tersebut di atas dan saya/kami mengesahkan bahawa Suku Runcit DanaInfra tersebut tidak diperoleh oleh saya/kami sebagai penerima orang atau orang-orang lain.

PENGISYTIHARAN (Sila lihat Nota 3 & 5)  
 UNTUK PEMOHON **INDIVIDU**  
 Saya berikrar bahawa:  
 (i) Saya bermastautin di Malaysia; dan  
 (ii) Saya berusia 18 tahun ke atas; dan  
 (iii) Saya adalah warganegara Malaysia; dan  
 (iv) Ini ialah SATU-SATUNYA permohonan yang saya hantar dalam kategori permohonan ini.

UNTUK PEMOHON **KORPORAT/INSTITUSI** \*(Tandakan yang mana berkenaan)  
 Kami berikrar bahawa:  
 \*  Kami adalah syarikat hak milik rakyat Malaysia yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.  
 \*  Lain-lain (Koperasi atau institusi atau dana persaraan atau yaysan atau kumpulan wang simpanan atau dana pencen yang ditubuhkan atau beroperasi di Malaysia).

**DAN**  
 (i) Lebih daripada separuh modal saham yang diterbitkan\*\*  
 (tidak termasuk modal saham keutamaan) adalah dipegang oleh Warganegara Malaysia; dan  
 (ii) Terdapat majoriti Warganegara Malaysia dalam Lembaga Pengarah/Pemegang Amanah; dan  
 (iii) Ini ialah SATU-SATUNYA permohonan yang kami hantar dalam kategori permohonan ini.

\*\* (Kecuali perbadanan atau institusi yang tidak mempunyai modal saham berbayar seperti syarikat-syarikat berhad dengan jaminan)

Tarikh: 15 OGOS 2014

Tandatangan: .....

atau cap ibu jari kanan

dan Cap Mohor dalam hal pemohon korporat/institusi

JIKA BADAN KORPORAT/PEMOHON INSTITUSI, KEDUDUKAN PENANDATANGAN  
 (Sila rujuk kepada Nota 9 dan 10)

(UNTUK DIISIKAN DENGAN PENUH OLEH PEMOHON DENGAN HURUF BESAR) SETIAP KOTAK UNTUK DIISIKAN DENGAN SATU (1) HURUF SAHAJA. TINGGALKAN SATU (1) KOTAK DI ANTARA PERKATAAN/PERKATAAN. SILA ISIKAN KOTAK YANG SEPATUTNYA. SILA TAP ATAU TULIS DENGAN JELAS MENGGUNAKAN DAKWAT HITAM ATAU BIRU ATAU PEN MATA BEBOLA. CAP GETAH TIDAK BOLEH DIGUNAKAN.	UNTUK KEGUNAAN PEJABAT						
<p>(Untuk pemohon korporat/institusi sahaja)                      NOMBOR SIJIL PENUBUHAN                      MENGIKUT SIJIL PENUBUHAN</p> <p style="text-align: right;">(Untuk pemohon individu sahaja)                      NOMBOR KAD PENGENALAN</p> <p style="text-align: center;">HURUF (Jika ada)</p> <p style="text-align: center;">NOMBOR KAD PENGENALAN BARU</p> <p style="text-align: center;">NOMBOR ANGGOTA TENTERA/KAKITANGAN POLIS</p> <p>NAMA PENUH PEMOHON MENGIKUT KAD PENGENALAN/RESIT PENGENALAN SEMENTARA (KPPK 09)/KAD KUASA/SIJIL PERBADANAN                      (Sila rujuk kepada Nota 9(i))</p> <p>NOMBOR AKAUN CDS (Sila rujuk kepada Nota 15)</p> <p>BILANGAN UNIT SUKUK RUNCIT DANAINFRA                      YANG DIPHON (Sila rujuk kepada Nota 7)</p>	<p>NOMBOR RUJUKAN</p> <p style="text-align: center;">NEGARA                      DIPERBADANKAN/                      MASTAUTIN</p> <p>KATG. BANGSA M Y S</p> <p>BANK/BROKER</p> <p>UNIT SUKUK RUNCIT YANG                      DIPERUNTUKKAN</p> <p>BAYARAN</p>						
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 33%;">BANK/ PEJABAT POS</td> <td style="width: 33%;">NOMBOR DRAF/ KIRIMAN/PENYATA ATM</td> <td style="width: 33%;">JUMLAH RM</td> </tr> </table>	BANK/ PEJABAT POS	NOMBOR DRAF/ KIRIMAN/PENYATA ATM	JUMLAH RM	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 33%;"></td> <td style="width: 33%;"></td> <td style="width: 33%; text-align: center;">0</td> </tr> </table>			0
BANK/ PEJABAT POS	NOMBOR DRAF/ KIRIMAN/PENYATA ATM	JUMLAH RM					
		0					



Muka surat ini sengaja dikosongkan

# Lampiran



Muka surat ini sengaja dikosongkan

---

## Kajian Kes

---

Daud adalah seorang pelabur yang telah melabur dalam Sukuk Runcit DanaInfra 7-tahun dengan Nilai Muka sebanyak RM100,000. Semasa langganan, Kadar Keuntungan Sukuk Runcit DanaInfra adalah 4% setahun dan harga permulaan adalah RM100.

Beliau boleh bertindak sama ada:

- 1) Memegang Sukuk Runcit DanaInfra sehingga Tarikh Matang;
- 2) Menjual Sukuk Runcit DanaInfra sepenuhnya atau sebahagian daripadanya pada kadar **premium** pada bila-bila masa hari perniagaan semasa tempoh pegangan; atau
- 3) Menjual Sukuk Runcit DanaInfra sepenuhnya atau sebahagian daripadanya pada kadar **diskaun** pada bila-bila masa hari perniagaan semasa tempoh pegangan.

### Kajian Kes 1 – Pegangan sehingga Tarikh Matang

Sekiranya Daud melabur dalam Sukuk Runcit DanaInfra dan memegangnya sehingga Tarikh Matang, pulangan pelaburan beliau akan dikira seperti berikut:

$$\begin{aligned}\text{Bayaran keuntungan setengah tahun} &= \text{RM}100,000 \times (4\% / 2) \\ &= \text{RM}2,000\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}\text{Jumlah keuntungan} &= \text{RM}2,000 \times (2 \text{ kali setahun} \times 7) \\ &= \text{RM}28,000\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}\text{Jumlah perolehan pelaburan} &= \text{RM}28,000 + \text{RM}100,000 \\ &= \text{RM}128,000\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}
 \text{Kadar pulangan pelaburan (*)} &= \text{Jumlah keuntungan} / (\text{Nilai Muka} \times \text{tempoh pegangan}) \\
 \text{(setahun)} &= \text{RM28,000} / (\text{RM100,000} \times 7 \text{ tahun}) \\
 &= 4\% \text{ setahun}
 \end{aligned}$$

## Kajian Kes 2 – Menjual pada kadar premium

Sekiranya Daud menjual pelaburan beliau selepas **tempoh pegangan** 90-hari, apabila harga telah meningkat kepada RM103 daripada harga permulaan RM100, pulangan pelaburan beliau boleh dikira seperti berikut:

$$\begin{aligned}
 \text{Perolehan jualan} &= \text{Nilai Muka} \times (\text{Harga jualan} / \text{Harga permulaan}) \\
 &= \text{RM100,000} \times (\text{RM103} / \text{RM100}) \\
 &= \text{RM103,000}
 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned}
 \text{Keuntungan} &= \text{RM103,000} - \text{RM100,000} \\
 &= \text{RM3,000}
 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned}
 \text{Kadar pulangan pelaburan (*)} &= \text{Keuntungan} / (\text{Nilai Muka} \times \text{tempoh pegangan} / \text{bilangan hari} \\
 \text{dalam (setahun)} &\text{setahun)} \\
 &= \text{RM3,000} / (\text{RM100,000} \times (90 \text{ hari} / 365 \text{ hari})) \\
 &= 12.17\% \text{ setahun}
 \end{aligned}$$

### Kajian Kes 3 – Menjual pada kadar diskaun

Sekiranya Daud menjual pelaburan beliau selepas **tempoh pegangan** 90-hari, apabila harga telah merosot kepada RM98 daripada harga permulaan sebanyak RM100, pulangan pelaburan beliau boleh dikira seperti berikut:

$$\begin{aligned}\text{Harga jualan} &= \text{Nilai Muka} \times (\text{Harga jualan} / \text{Harga permulaan}) \\ &= \text{RM100,000} \times (\text{RM98} / \text{RM100}) \\ &= \text{RM98,000}\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}\text{Kerugian} &= \text{RM98,000} - \text{RM100,000} \\ &= -\text{RM2,000}\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}\text{Kadar pulangan pelaburan (*) dalam (setahun)} &= \text{Kerugian} / (\text{Nilai Muka} \times \text{tempoh pegangan} / \text{bilangan hari setahun}) \\ &= (-\text{RM2,000}) / (\text{RM100,000} \times (90 \text{ hari} / 365 \text{ hari})) \\ &= -8.11\% \text{ setahun}\end{aligned}$$

*Nota: Kajian kes di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.*

*(\*) : Kadar pulangan pelaburan tidak mengambil kira kos urusniaga dan nilai pasaran semasa wang*

Muka surat ini sengaja dikosongkan

# Soalan-Soalan Lazim





Muka surat ini sengaja dikosongkan

---

## Soalan-soalan Lazim

---

### **Maklumat Am**

<b>Apakah yang dimaksudkan dengan Sukuk Runcit DanaInfra?</b>	Sukuk Runcit DanaInfra adalah ETBS yang diterbitkan oleh DanaInfra Nasional Berhad dan dijamin oleh Kerajaan Malaysia.
<b>Mengapakah Sukuk Runcit DanaInfra diwujudkan?</b>	Sukuk Runcit DanaInfra diwujudkan sebagai sebahagian daripada usaha-usaha DanaInfra untuk meluaskan asas pelabur dengan membenarkan penyertaan para pelabur runcit dalam membiayai projek infrastruktur negara seperti Projek MRT, di samping mempelbagaikan portfolio pelaburan mereka dalam pasaran bon / sukuk. Terbitan sukuk runcit juga adalah sebahagian daripada inisiatif-inisiatif di bawah Pelan Induk Pasaran Modal 2 bagi memudahkan penyertaan para pelabur runcit dalam pasaran bon dan sukuk serta menyediakan rangkaian produk pelaburan yang lebih luas kepada mereka.
<b>Untuk apakah dana Sukuk Runcit DanaInfra akan digunakan?</b>	Dana daripada Sukuk Runcit DanaInfra akan digunakan untuk membiayai pembinaan dan pembangunan Projek MRT.
<b>Apakah badan-badan kawal selia yang mentadbir ETBS?</b>	Badan-badan kawal selia yang mentadbir ETBS adalah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Bursa Malaysia. Untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut, sila lawati laman web seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"><li>▪ Suruhanjaya Sekuriti Malaysia - <a href="http://www.sc.com.my">www.sc.com.my</a></li><li>▪ Bursa Malaysia - <a href="http://www.bursamalaysia.com">www.bursamalaysia.com</a></li></ul>
<b>Adakah pelaburan dalam Sukuk Runcit DanaInfra terjamin?</b>	Ya, kerana Sukuk Runcit DanaInfra dijamin oleh Kerajaan Malaysia.
<b>Adakah Sukuk Runcit DanaInfra akan diberi penarafan?</b>	Sukuk Runcit DanaInfra tidak memerlukan penarafan memandangkan produk ini dijamin oleh Kerajaan Malaysia.
<b>Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenai terma-terma Sukuk Runcit DanaInfra?</b>	Bagi mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenai terma-terma Sukuk Runcit DanaInfra, anda boleh melawati <a href="http://www.danainfra.com.my">www.danainfra.com.my</a> .

<b>Untuk siapakah instrumen / sukuk ini sesuai?</b>	Memandangkan ia adalah pelaburan dengan tempoh 7 tahun, produk ini adalah sesuai bagi para pelabur yang mencari kepelbagaian bagi pelaburan jangka sederhana / jangka panjang dengan jaminan bayaran ke atas Keuntungan dan Nilai Muka pada tarikh matang.
<b>Sukuk Runcit Danalnfra dijamin oleh Kerajaan Malaysia. Adakah ianya sama seperti mana deposit tetap yang dijamin di bawah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM")?</b>	PIDM menginsuranskan sehingga RM250,000 nilai jumlah pokok dan keuntungan bagi deposit dengan institusi-institusi kewangan berlesen. Bayaran Keuntungan dan Nilai Muka di bawah Sukuk Runcit Danalnfra dijamin sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia.
<b>Apakah saiz terbitan Sukuk Runcit Danalnfra?</b>	Saiz terbitan Sukuk Runcit Danalnfra adalah sehingga RM100 juta dalam nilai nominal.
<b>Berapa lamakah tempoh matang Sukuk Runcit Danalnfra?</b>	Sukuk Runcit Danalnfra mempunyai tempoh matang selama 7 tahun.
<b>Adakah Danalnfra akan membuat lebih banyak terbitan ke atas Sukuk Runcit pada masa hadapan?</b>	Adalah menjadi hasrat Danalnfra untuk menerbitkan lebih banyak Sukuk pada masa hadapan bagi membiayai Projek MRT. Dalam setiap terbitan Sukuk, Danalnfra akan menawarkan sehingga 1/5 daripada jumlah saiz terbitan kepada para pelabur runcit, sekiranya Penerbit menganggapnya wajar pada masa terbitan.
<b>Bilakah tempoh tawaran bagi terbitan Sukuk Runcit Danalnfra?</b>	Tarikh Pembukaan Tawaran adalah pada 21 Julai 2014 dan Tarikh Penutupan Tawaran adalah pada 15 Ogos 2014.
<b>Berapakah jumlah minimum dan maksimum langganan?</b>	Jumlah langganan minimum adalah RM1,000. Tidak ada had maksimum bagi jumlah langganan. Langganan hendaklah dalam gandaan RM1,000.
<b>Apakah yang akan berlaku sekiranya Sukuk Runcit Danalnfra terlebih langganan?</b>	Penerbit akan menjalankan pengundian bagi menentukan pengagihan kepada para pelabur runcit dengan cara yang adil dan saksama.
<b>Bagaimanakah Kadar Keuntungan ditentukan?</b>	Kadar Keuntungan ditentukan pada penutupan pembidaan tawaran oleh pelabur institusi berdasarkan permintaan dan kadar faedah pasaran semasa.
<b>Adakah Sukuk Runcit Danalnfra mematuhi Syariah?</b>	Ya, Sukuk Runcit Danalnfra adalah pelaburan yang mematuhi Syariah. CIMB Islamic Bank Berhad sebagai penasihat Syariah ("Penasihat Syariah") telah mengeluarkan pengisytiharan mengenai pematuhan Sukuk Danalnfra terhadap prinsip-prinsip Syariah.

## Permohonan

<p><b>Siapakah yang layak untuk memohon Sukuk Runcit Danalnfra?</b></p>	<p>Untuk memohon Sukuk Runcit Danalnfra, anda hendaklah memenuhi salah satu daripada syarat-syarat berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Merupakan seorang warganegara Malaysia yang berusia sekurang-kurangnya 18 tahun pada tarikh penutupan penawaran runcit dan mempunyai alamat di Malaysia;</li> <li>2. Merupakan sebuah perbadanan / institusi yang diperbadankan di Malaysia dengan pegangan saham majoriti (tidak termasuk saham-saham keutamaan) yang dipegang oleh warganegara Malaysia;</li> <li>3. Merupakan sebuah dana persaraan, koperasi, yayasan, kumpulan wang simpanan atau dana pencen yang ditubuhkan atau beroperasi di Malaysia.</li> </ol> <p>Permohonan daripada para pemegang amanah, orang-orang di bawah umur 18 tahun, pemilikan tunggal, perkongsian atau lain-lain badan atau pertubuhan yang diperbadankan selain daripada koperasi dan institusi yang dirujuk di dalam perenggan (2) dan (3) di atas atau para pemegang amanahnya tidak akan diterima.</p>												
<p><b>Untuk melabur dalam Sukuk Runcit Danalnfra, adakah saya perlu memiliki akaun bank dan akses Internet?</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Akaun bank tidak diperlukan sekiranya permohonan dibuat melalui borang permohonan kepada MIH</li> <li>▪ Akses Internet tidak diperlukan memandangkan permohonan juga boleh dibuat melalui borang permohonan atau ATM Institusi-institusi Kewangan Terpilih Yang Mengambil Bahagian</li> </ul>												
<p><b>Bagaimanakah cara untuk saya membuka akaun CDS?</b></p>	<p><b>Akaun individu</b></p> <table border="1" data-bbox="536 1059 1385 1464"> <tr> <td data-bbox="536 1059 719 1252"><b>Langkah 1</b></td> <td data-bbox="727 1059 1385 1252">Anda boleh meminta Borang Pembukaan Akaun CDS daripada AmInvestment Bank Berhad, CIMB Investment Bank Berhad, Maybank Investment Bank Berhad dan RHB Investment Bank Berhad. Anda hendaklah berusia sekurang-kurangnya 18 tahun untuk membuka akaun CDS.</td> </tr> <tr> <td data-bbox="536 1258 719 1319"><b>Langkah 2</b></td> <td data-bbox="727 1258 1385 1319">Lengkapkan borang Pembukaan Akaun dan dua (2) Kad Spesimen Tandatangan</td> </tr> <tr> <td data-bbox="536 1326 719 1388"><b>Langkah 3</b></td> <td data-bbox="727 1326 1385 1388">Serahkan dokumen bersama dengan dua (2) salinan Kad Pengenalan (KP) anda.</td> </tr> <tr> <td data-bbox="536 1395 719 1458"><b>Langkah 4</b></td> <td data-bbox="727 1395 1385 1458">Bayar Yuran Pembukaan Akaun sebanyak RM10 kepada Bursa Depository ('BD').</td> </tr> </table> <p><b>Akaun syarikat</b></p> <table border="1" data-bbox="536 1536 1385 1767"> <tr> <td data-bbox="536 1536 719 1599"><b>Langkah 1</b></td> <td data-bbox="727 1536 1385 1599">Lengkapkan borang Pembukaan Akaun dan dua (2) Kad Spesimen Tandatangan.</td> </tr> <tr> <td data-bbox="536 1606 719 1767"><b>Langkah 2</b></td> <td data-bbox="727 1606 1385 1767">Serahkan dokumen-dokumen di atas dengan dua (2) salinan semua dokumen sokongan yang diperlukan (sebagai contoh Sijil Perbadanan, Resolusi Lembaga Pengarah dsb) bersama dengan yuran Pembukaan Akaun sebanyak RM10.</td> </tr> </table>	<b>Langkah 1</b>	Anda boleh meminta Borang Pembukaan Akaun CDS daripada AmInvestment Bank Berhad, CIMB Investment Bank Berhad, Maybank Investment Bank Berhad dan RHB Investment Bank Berhad. Anda hendaklah berusia sekurang-kurangnya 18 tahun untuk membuka akaun CDS.	<b>Langkah 2</b>	Lengkapkan borang Pembukaan Akaun dan dua (2) Kad Spesimen Tandatangan	<b>Langkah 3</b>	Serahkan dokumen bersama dengan dua (2) salinan Kad Pengenalan (KP) anda.	<b>Langkah 4</b>	Bayar Yuran Pembukaan Akaun sebanyak RM10 kepada Bursa Depository ('BD').	<b>Langkah 1</b>	Lengkapkan borang Pembukaan Akaun dan dua (2) Kad Spesimen Tandatangan.	<b>Langkah 2</b>	Serahkan dokumen-dokumen di atas dengan dua (2) salinan semua dokumen sokongan yang diperlukan (sebagai contoh Sijil Perbadanan, Resolusi Lembaga Pengarah dsb) bersama dengan yuran Pembukaan Akaun sebanyak RM10.
<b>Langkah 1</b>	Anda boleh meminta Borang Pembukaan Akaun CDS daripada AmInvestment Bank Berhad, CIMB Investment Bank Berhad, Maybank Investment Bank Berhad dan RHB Investment Bank Berhad. Anda hendaklah berusia sekurang-kurangnya 18 tahun untuk membuka akaun CDS.												
<b>Langkah 2</b>	Lengkapkan borang Pembukaan Akaun dan dua (2) Kad Spesimen Tandatangan												
<b>Langkah 3</b>	Serahkan dokumen bersama dengan dua (2) salinan Kad Pengenalan (KP) anda.												
<b>Langkah 4</b>	Bayar Yuran Pembukaan Akaun sebanyak RM10 kepada Bursa Depository ('BD').												
<b>Langkah 1</b>	Lengkapkan borang Pembukaan Akaun dan dua (2) Kad Spesimen Tandatangan.												
<b>Langkah 2</b>	Serahkan dokumen-dokumen di atas dengan dua (2) salinan semua dokumen sokongan yang diperlukan (sebagai contoh Sijil Perbadanan, Resolusi Lembaga Pengarah dsb) bersama dengan yuran Pembukaan Akaun sebanyak RM10.												
<p><b>Bolehkah saya menggunakan akaun CDS saya untuk tujuan</b></p>	<p>Akaun CDS tidak membolehkan anda untuk membeli dan menjual sukuk. Anda perlu membuka Akaun Dagangan dengan mana-mana broker saham yang berdaftar dengan Bursa Malaysia (juga dikenali sebagai Organisasi Yang Mengambil Bahagian atau 'PO' dalam laman web Bursa</p>												

<b>perdagangan?</b>	Malaysia).
<b>Apakah dokumentasi yang diperlukan apabila memohon bagi langganan Sukuk Runcit DanaInfra?</b>	Tiada dokumen diperlukan selain daripada borang permohonan sekiranya para pelabur memohon Sukuk Runcit DanaInfra melalui borang permohonan. Secara alternatif, para pelabur boleh memohon melalui Perbankan Internet atau ATM Institusi-institusi Kewangan Terpilih Yang Mengambil Bahagian.
